



Untuk Terbitan Media  
19 November 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **PSA SKSPS: TINGKAT KESEDARAN AWAM, RAPATKAN JURANG KEADILAN SOSIAL**

**KUALA LUMPUR** – Pesanan khidmat masyarakat (PSA) mengenai perlindungan keselamatan sosial akan ditayangkan di pawagam seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata pendekatan strategik sedemikian dilaksana bagi memacu liputan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang ketika ini berkadar 24.08 peratus atau 727,094 daripada keseluruhan 3.02 juta individu di sektor tidak formal.

"Inisiatif ini bukan sekadar usaha meningkatkan kesedaran, tetapi merupakan strategi transformasi PERKESO dalam memastikan perlindungan sosial yang lebih inklusif dan mampan untuk golongan bekerja sendiri.

"Video PSA arahan sutradara Wan Saiful Shahrizan Wan Nawi ini lebih bermakna kerana beliau sendiri adalah penerima manfaat SKSPS dan sedang menjalani rawatan pemulihan fisioterapi di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR), Melaka," katanya ketika menyampaikan ucap-tama perasmian video PSA SKSPS, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Dato' Azmir Saifuddin Mutalib dan Presiden Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA), Khalil Salleh.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman menyifatkan penerapan PSA sebelum tayangan filem di panggung adalah tepat pada masanya, selari komitmen dicerminkan kerajaan yang meluluskan peruntukan tambahan RM86.2 juta dalam Belanjawan 2024.

Jelasnya, peruntukan untuk membiayai caruman padanan SKSPS sebanyak 90 peratus sehingga 31 Disember 2024 ini berupaya meringankan beban individu bekerja sendiri yang berdepan ketidakpastian pendapatan harian.

“Peruntukan tambahan ini adalah manifestasi kepentingan perlindungan sosial, selain demi memastikan tiada jurang antara sektor formal dan tidak formal di Malaysia,” katanya.

**Tamat**

**###**

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**19 November 2024**  
**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Iklil Fatimah Kamal Redzuan**  
**+6019-7107479**  
[fatimah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatimah.redzuan@perkeso.gov.my)